

20/07/1999

PM percaya Jaguh jadi pilihan pembeli

GURUN, Isnin - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya harga Jaguh, motosikal 175cc keluaran terbaru Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas), mampu menarik minat pembeli.

Beliau berkata, kejayaan Modenas mengeluarkan motosikal itu bukan saja menggambarkan kemampuannya menghasilkan produk terbaru ketika ekonomi negara belum pulih sepenuhnya.

"Ketika kegawatan ini pun, kita mampu mengeluarkan motosikal baru berbanding negara lain. Hari ini kita bukan saja melancarkan motosikal baru. Hari ini kita menegakkan kebolehan dan kebebasan bangsa kita," katanya.

Dr Mahathir memuji kesungguhan kakitangan Modenas menghasilkan motosikal model terbaru itu, yang membuktikan pekerja tempatan mampu menghasilkan produk terbaik jika mereka memberikan komitmen tinggi dalam mempelajari teknologi asing.

Beliau berkata, pengeluaran motosikal Modenas adalah hasil kesediaan negara menerima dan belajar teknologi pengeluar motosikal Jepun, iaitu Kawasaki.

"Kita tidak malu untuk belajar. Mereka (Kawasaki) ajar cara bagaimana keluarkan motosikal. Kita belajar sikit-sikit, kita cekap dan suatu hari kita boleh buat sendiri dan orang lain pula tanya kita," katanya.

Modenas yang mula beroperasi pada Jun 1996, sebelum ini mengeluarkan motosikal Modenas Kriss yang mempunyai keupayaan enjin 110cc. Versi pertama Modenas Kriss ialah Kriss EM110 sebelum versi kedua, Kriss II 110cc diperkenalkan pada April lalu.

Sementara itu, seorang pengedar Modenas, Chan Thean Lye dari Pulau Pinang dipilih sebagai pemenang pertandingan antara pengedar Modenas untuk membeli motosikal istimewa dengan nombor pendaftaran `Jaguh 8' apabila menawarkan harga tertinggi RM55,000.

Wang berkenaan didermakan Modenas kepada tabung Barisan Bertindak Kosovo.